

**UCAPAN DASAR
PRESIDEN PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)**

Muktamar Tahunan PAS ke - 56
2010

“ISLAM ADIL UNTUK SEMUA”

MUKADDIMAH

الحمد لله حمدا الحامدين , وحمدا الشاكرين , وحمدا يوافي نعمه ويكافي مزيده , يا ربنا لك الحمد كما ينبغي لجلال وجهك وعظيم سلطانك . أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له , له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير . وأشهد أن محمدا عبده ورسوله , البدر الدجى والسراج المنير . اللهم وصل وسلم وبارك على محمد وأشرف الأنبياء والمرسلين , وعلى آله وصحبه أجمعين , ومن سار على نهجه إلى يوم الدين.

1. Yang Dihormati Pengerusi Tetap, YAB Tuan Guru Dato' Mursyidul 'Am, Sohibil Fadhilah Dato' Timbalan Mursyidul 'Am, Ashab al Fadhilah Ahli Majlis Syura Ulama, Yang Berhormat Timbalan Presiden, Naib-Naib Presiden, Ketua-Ketua Dewan Ulama, Pemuda dan Muslimat, YBhg. Dato' Setiausaha Agung dan seluruh Jawatankuasa Harian, Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya PAS Negeri dan Wilayah Persekutuan, Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan-Dewan, Ketua dan Ahli Jawatankuasa Dewan Himpunan Penyokong PAS, pimpinan dan rakan-rakan dari Pakatan Rakyat, NGO, seluruh para perwakilan dan pemerhati, muslimin dan muslimat yang dikasihi sekalian.

2. Bersempena dengan Muktamar Tahunan Parti Islam SeMalaysia (PAS) yang ke 56 ini, saya berdiri mewakili saf kepimpinan PAS ingin mengalu-ngalukan kehadiran seluruh perwakilan dan para tetamu ke pertemuan tahunan yang sungguh bermakna ini dengan ucapan *Ahlan wa Sahlan wa Marhaban Bikum*, serta memanjatkan doa kepada Allah SWT agar dimasukkan kehadiran ini sebagai satu perhitungan *ribat fi sabilillah*. Marilah kita terus menerus

melaksanakan tugas memikul amanah generasi awal yang menubuhkan PAS, sebagai satu mata rantai yang menghubungkan perjuangan Islam sejak zaman berzaman.

3. Semuanya ini dilaksanakan dengan penuh *istiqamah* dengan matlamat melaksanakan kewajipan Islah dan Tajdid daripada risalah Islam yang dibawa oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, untuk menyelamatkan manusia seluruhnya dengan Islam yang merupakan Rahmat Allah ke seluruh alam, berwawasan dunia sehingga akhirat, dengan mengajak sesiapa yang mahu tanpa sebarang paksaan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

4. Timbunan krisis yang melanda seluruh dunia di masa kini, di mana negara kita yang tercinta juga menerima padahnya, adalah berlaku akibat dari kegagalan dasar dan cara hidup dengan pendekatan ciptaan manusia yang mengandungi serba kelemahan. Keadaan ini telah lebih meyakinkan kita kepada Islam ciptaan Allah yang menjadi dasar dan matlamat perjuangan kita, dengan syarat kita terus menerus beristiqamah dan ikhlas dengan arahan Allah kepada kumpulan Islam. Firman Allah SWT :

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا
يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا ءَعَدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ
وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾ المائدة

Hai orang-orang yang beriman jadikan diri kamu orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil, dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan. (Al Maidah : 8)

5. Bertitik-tolak dari ayat ini, maka kita memilih **“ISLAM ADIL UNTUK SEMUA”** sebagai tema bagi Mukhtamar PAS kali ke 56 ini. Tema kali ini menuntut untuk setiap di antara pemimpin dan kepimpinan, *‘amilin* dan *‘amilat*, di seluruh lapisan organisasi untuk memperteguhkan model pentarbiyahan dalaman sendiri, dengan disemai oleh fikrah yang jelas dan keperibadian yang unggul, seterusnya menjadi parti yang ikhlas kerana Allah dan beriman kepadaNya bagi menegakkan keadilan untuk semua, kerana ianya adalah keadilan Ilahi yang terpancar daripada Islam, sebagai Al Din yang sempurna.

6. PAS wajib menegakkan keadilan untuk semua tanpa mengira batas agama dan kaum, kerana Islam dalam cara hidupnya adalah untuk seluruh manusia sejagat. Lihatlah bagaimana keperibadian pimpinan Rasulullah SAW dan generasi kegemilangan Islam yang mencipta tamadun untuk seluruh umat manusia, bermula dengan membina modal insan dengan memenuhi ciri fitrah manusia secara menyeluruh, bukan sahaja berpegang dengan Al Quran dan Al Sunnah yang tidak boleh dipertikaikan, tetapi dalam masa yang sama melaksanakan perintah Allah dan Rasul Nya supaya menerima kebijaksanaan ciptaan akal manusia yang datang dari seluruh pelusuk dunia tanpa mengira dari mana puncanya. Firman Allah SWT :

وَالَّذِينَ اجْتَنَبُوا الطُّغُوتَ أَنْ يَعْبُدُوهَا وَأَنَابُوا إِلَى اللَّهِ لَهُمُ الْبُشْرَىٰ
 فَبَشِّرْ عِبَادِ ﴿٤٧﴾ الَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ الْقَوْلَ فَيَتَّبِعُونَ أَحْسَنَهُ أُولَٰئِكَ
 الَّذِينَ هَدَاهُمُ اللَّهُ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْأَوْلَىٰ ۗ ﴿٤٨﴾ - الزمر

Dan orang-orang yang menjauhi thaghut (yaitu) tidak menyembahnya dan kembali kepada Allah, bagi mereka berita gembira; sebab itu sampaikanlah berita itu kepada hamba- hambaKu, yang mendengarkan perkataan lalu mengikuti apa yang paling baik di antaranya. Mereka itulah

*orang-orang yang telah diberi Allah petunjuk dan mereka
itulah orang-orang yang mempunyai akal.*

(Az-Zumar: 17 – 18)

7. Islam mengajar orang yang beriman, bukan sahaja menerima yang terbaik daripada Al Quran dan Sunnah, tetapi juga menerima pandangan manusia terbaik dan kebijaksanaannya. Hal ini di huraikan lagi oleh sabda Rasulullah SAW :

الحكمة ضالة المؤمن فأني وجدها فهو أحق بها .

*(Kebijaksanaan itu laksana barang berharga yang jatuh
tercicir kepunyaan seseorang yang beriman, di mana sahaja
dia menemuinya, maka dialah yang berhak memungutnya)*

TANGGUNGJAWAB DALAM MASYARAKAT MAJMUK

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

8. Sebenarnya kita adalah kelompok manusia yang sangat bertuah dan unik, kerana berada dalam negara Malaysia yang mengandungi kepelberbagai etnik, yang berasal dari berbagai bangsa dan datang daripada berbagai negara yang telah menyumbang kepada Tamadun Islam, iaitu China dan India. Kepelbagaian ini sekiranya diolah dengan baik akan menjadikan negara kita ini sebagai satu kuasa yang hebat, sebaliknya sebarang kesilapan akan membawa padah yang besar.

9. Maka Islam yang membentuk generasi Al Quran dan As Sunnah telah berjaya membangun manusia dengan iman, amal soleh dan akhlak yang luhur. Berpaksikan ilmu Islam dari mukjizat Al-Quran dan kebijaksanaan Rasulullah SAW, dan dalam masa yang sama mengambil tamadun bernilai daripada seluruh bangsa di dunia - dari China, India, Rom, Parsi, Mesir, Yaman dan lain-lainnya dari timur dan barat sehingga lahirnya Tamadun Islam. Kepesatan kemajuannya berlaku dengan penterjemahan berbagai hasil kajian daripada semua

bangsa ke dalam Bahasa Arab, dengan memandu tamadun yang subur berasaskan kepada modal insan yang beriman dan berakhlak mulia.

10. Tamadun Barat yang mencipta berbagai-bagai kemajuan kebendaan pada hari ini, adalah selepas penterjemahan tulisan dan buku berbagai ilmu daripada Bahasa Arab ke dalam bahasa mereka. Suatu hakikat yang perlu kita sama-sama sedar dan insaf, bahawa kejatuhan Tamadun Islam terjadi setelah keadilan Islam tidak lagi ditunjangi, lemahnya iman dan hilangnya akhlak mulia dengan berlakunya kezaliman dan maksiat yang berleluasa dalam masyarakat Islam. Itulah juga yang akan memusnahkan Tamadun Barat, dengan lahirnya tanda kemusnahan tamadun barat dewasa ini, kerana konsep sekularismanya yang memisahkan urusan hidup daripada iman dan akhlak.

11. Akibat dari meminggirkan iman dan akhlak ini, serta memisahkan urusan dunia dengan akhirat, maka kepimpinan umat Islam yang mewarisi konsep sekularisma ini juga telah menyebabkan umat Islam tidak mampu berdaya saing dengan kaum lain dan akhirnya tidak mampu membawa model Islam yang sebenarnya, yang memberikan keadilan dan rahmat kepada seluruh manusia.

12. Pandangan yang melihat bahawa kewujudan pelbagai bangsa, budaya dan agama akan hanya lebih cenderung untuk berkonflik adalah lahir daripada fikrah barat yang mencetuskan Model Konflik dalam disiplin ilmu mereka. Sebaliknya, Islam memberitahu kita bahawa kecenderungan untuk membenci kaum lain mesti diatasi dengan cara kita berlaku adil kepada semua. Semua yang berhak mesti menerima haknya. Menceroboh dan menghalang hak seseorang adalah amat bercanggah dengan prinsip keadilan Islam dan keadilan inilah merupakan ciri taqwa orang yang beriman. Adalah sesuatu yang songsang apabila seseorang itu mengaku bertaqwa kepada Allah tetapi gagal melaksanakan keadilan. Inilah yang kita lihat setelah lebih 50 tahun usia kemerdekaan, yang sepatutnya sudah membawa

negara tercinta ini berdiri teguh dan mampu untuk menjadi pelindung kepada rakyat.

13. UMNO yang menjadi teras Barisan Nasional (BN) juga mendabik dada, kononnya merekalah parti penyelamat orang melayu beragama Islam dan memimpin negara yang bermasyarakat majmuk. Hakikatnya, ternyata mereka telah gagal dan mengundang padah malapetaka kepada orang melayu yang telah beragama Islam dan membawa wajah yang salah terhadap masyarakat majmuk yang menjadi realiti negara Malaysia. Hasilnya, imej Islam yang begitu murni telah tercalar akibat dari kegagalan dan ketidakadilan yang dibawa UMNO dalam negara kita ini.

14. Inilah malapetaka dahsyat yang diasaskan oleh kepimpinan negara kita selama lebih dari 50 tahun diberikan amanah menjaga pemerintahan oleh rakyat. Hasilnya, kita melihat orang melayu dan Islam semakin lemah pemahaman politik mereka setelah pemikiran mereka diasak dengan pemahaman perkauman yang sempit selama puluhan tahun. Dalam aspek ekonomi pula, pemilikan ekonomi yang sebenar dan seimbang tidak berlaku kerana harta negara menjadi modal pusingan di kalangan sesama pemimpin mereka sahaja. Rakyat terus menerus dihimpit oleh pelbagai skandal yang melangsaikan harta negara. Kawasan blok minyak negara yang bernilai ratusan billion ringgit pula diserahkan kepada orang lain sebagai bahan pertukaran. Dalam aspek pendidikan pula, anak-anak yang menjadi penyambung zuriat dan bakal mewarisi negara pula dihadapkan dengan berbagai eksperimen pendidikan yang tidak membawa mereka ke mana-mana.

15. Kenyataan dan pengakuan kepimpinan utama dan tokoh-tokoh besar mereka, sepatutnya cukup membuktikan hakikat sebenar yang telah berlaku. Kaum bukan melayu pula semakin hari semakin hilang keyakinan kepada parti kaum masing-masing yang menjadi komponen BN, dan dalam masa yang sama orang-orang melayu pula dibuai sehingga lalai bersama UMNO yang senantiasa meniupkan laungan perkauman sempit.

16. Akhirnya umat Islam terus ketinggalan dan berlakunya hakisan kesedaran dan kuasa, adalah hasil dari kesilapan kepimpinan negara kita yang tidak memperkasakan kepimpinan umat Islam, dengan hanya melahirkan pemimpin yang tidak bermoral dengan politik wang tanpa kewibawaan. Sesuatu jawatan yang dipegang dalam politik, pentadbiran, institusi akademik, dan kemasyarakatan, perkaitannya dengan UMNO atau *UMNO-putra*, telah dijadikan pertaruhan dalam menentukan jawatan, dan bukan kerana kewibawaannya dalam ilmu dan akhlak yang berlandaskan kepada aqidah yang betul.

17. Kecelaruhan ini pula ditambah oleh pengajian agama Islam yang dilemahkan dengan akta yang mengepungnya, dengan mematikan tulisan Jawi bahasa Melayu berhuruf Al Quran dan menyempitkan sistem pendidikan agama serta meneruskan sistem pentadbiran warisan penjajah.

18. Maka PAS wajib menafsirkan Islam secara ilmu dan amal, daripada Al Din yang terkandung dalam Al Quran dengan makna yang sempurna dan lengkap, dengan membebaskan khurafat warisan penjajah yang mentakrifkan Islam dengan maksud “agama” daripada bahasa asing dan bukannya bahasa Al Quran. Fahaman yang salah ini disambung oleh UMNO, sehingga menjadikan orang Melayu sendiri tidak melaksanakan cara hidup Islam yang sebenar, kerana dikongkong oleh kejahilan agama yang menebal. PAS wajib berjuang mengembalikan martabat umat Islam ke atas landasan yang sebenar dalam segala bidang dan lapangan, dan seterusnya memulihkan imej Islam yang telah dirosakkan dan dilemahkan oleh UMNO walau pun terpaksa berdepan dengan berbagai rintangan.

19. Keadaan ini mewajibkan kita berusaha sedaya upaya, supaya orang – orang Melayu yang majoritinya Islam ini dibebaskan daripada kepompong yang rosak itu. Ingatlah, bahawa Islam yang sempurna boleh menjadi penyelamat mereka sendiri dan menjadi contoh kepada kaum lain yang telah sama-sama berpijak di tanahair tercinta ini. Di atas kegagalan UMNO ini, maka kita perlu mendampingi kelompok orang Melayu samada di kawasan bandar atau luar bandar supaya

mereka dapat bersama dengan PAS untuk diberikan kefahaman Islam yang sebenarnya, dan seterusnya membawa mereka kepada pemahaman Islam sebagai satu cara hidup yang boleh menyelamatkan mereka di dunia dan akhirat.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

20. Penglibatan PAS dalam harakah Islamiyyah juga mewajibkan kita untuk meneruskan ukhuwwah dengan semua kumpulan Islam dengan penuh *tasamuh*, sehingga PAS terus diterima menjadi satu sahaja parti yang berwadah Islam yang *syumul* berada dalam gelanggang politik dalam negara kita ini. Inilah yang mewajibkan semua kumpulan Islam berada dalam saf perjuangan Islam bersama PAS. Ukhuwwah yang dibina ini pula, wajar untuk digerakkan ke arah melaksanakan tanggungjawab 'amal Islami yang *syumul* di segenap pelusuk negara.

21. Di atas pentas politik dalam negara kita pula, semua pihak telah menyaksikan bahawa PAS terus menerus *istiqamah* melaksanakan Tahaluf Siyasi sejak dari tahun 1982 di atas nama Islam, dengan pertimbangan hukum berdasarkan kepada Al Quran dan Sunnah, dan bukannya di atas semangat yang sempit, apatah lagi semangat perkauman yang boleh meruntuhkan pemikiran yang waras dalam negara kita.

22. Oleh yang demikian, pendekatan fekah politik Islam yang dipegang oleh PAS menerusi amalan Tahaluf Siyasi dalam Pakatan Rakyat, dengan model Islam yang sebenar akan terus diperkasakan. Beberapa siri pilihanraya kecil yang dihadapi bersama oleh parti dalam Pakatan Rakyat, dengan Pilihanraya Kecil Sibul menjadi yang terkini, telah menjadi medan pengukuhan hubungan antara parti di mana PAS telah menunjukkan kesetiaan dan kebersamaan gerakkerja sehingga membuahkan hasil yang boleh mengubah lanskap politik negara.

23. Kita merasa amat berbesar hati dengan perkembangan yang sangat positif apabila PAS bersama-sama dengan rakan-rakan

Pakatan Rakyat menjayakan Konvensyen Pakatan Rakyat Pertama, dan telah menempa sejarah bermakna apabila telah mencapai kesepakatan dalam perkara asas iaitu :

- i. Mempertahankan Perlembagaan Persekutuan, Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai,
- ii. Melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum lain sejajar dengan Perkara 153,
- iii. Mempertahankan peranan dan tanggungjawab institusi raja berpelembagaan,
- iv. Memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai lingua franca serantau, melindungi dan memperkukuhkan penggunaan bahasa ibunda semua kaum,
- v. Memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan undang-undang yang membenarkan tahanan secara zalim,
- vi. Memansuhkan atau meminda semua akta dan undang-undang yang zalim serta melanggar hak asasi,
- vii. Menjamin semangat persekutuan serta hubungan yang adil di antara Persekutuan dengan negeri-negeri, terutama Sabah dan Sarawak.

24. Kewajipan kita ialah meletakkan perkara ini di atas landasan yang benar dan melaksanakannya dengan *istiqamah*, bukannya secara slogan tanpa pengisian yang tepat, kerana kita tidak boleh menipu rakyat dengan slogan yang manis tanpa amalan yang berasaskan kepada akhlak, adil dan amanah. Slogan yang saban ketika dijana secara kosmetik oleh Kerajaan Barisan Nasional di waktu ini seperti “Juara Rakyat”, “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” akan hanya menjadi satu lagi retorik penyedap telinga semata-mata dan tidak lahir dari satu tadjid dan islah menyeluruh dalam sistem pentadbiran negara kita.

PEMERKASAAN PARTI DAN TARBIYAH

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

25. Cabaran mendatang telah mewajibkan untuk kita memperkasakan PAS dalam arena politik tanah air, dengan Tasawur Islam yang menjadikan PAS lebih diterima rakyat semua kaum, dihormati kawan dan digeruni lawan. Oleh yang demikian, pengisian aktiviti mengukuhkan parti melalui usaha yang serius, berperancangan dan bersungguh-sungguh secara menyeluruh hendaklah dilaksanakan dengan gigitan di semua peringkat, terutamanya untuk memastikan kawasan dan cawangan PAS yang ada di seluruh negara agar lebih aktif, bangun dari dibuai mimpi kemenangan, seolah-olah kemenangan akan melutut di kaki mereka tanpa bekerja keras.

26. Ingatlah, kita perlu untuk mentarbiyah kawasan dan cawangan yang bertebaran di seluruh negara supaya mereka akan mampu bergerak turun ke bawah, disetiap kawasan perbandaran dan taman perumahan, penempatan tanah rancangan dan peneroka, menelusuri setiap kampung dan desa, serta berada di setiap ceruk lorong dan jalan. Semuanya dilakukan sehingga mesej Islam yang dibawa oleh PAS berjaya difahami dan akhirnya diterima oleh setiap jiwa yang mendengarnya.

27. Tugas pentarbiyahan itu adalah untuk menyediakan 'amilin dan 'amilat parti, mengikut *sibghah* (acuan dan celupan) Islam, dari segi ilmu, cara beramal dan akhlaknya. Ilmu yang kita maksudkan pula bukan sahaja berilmu dengan sekadar pengetahuan, tetapi berilmu yang membuah amal dengan kekuatan akal yang dipandu oleh akidah, syariat dan akhlak, serta dibajai oleh kekuatan rohani yang melahirkan sifat taqwa seterusnya menjadi mujahid yang berjaya.

28. Setiap ahli parti juga haruslah bersedia untuk menyumbang harta dan jiwa raga sekadar kemampuan yang sebenarnya tanpa sembunyi, dan bersedia menghadapi musuh yang berlipat ganda jumlah anggota, peralatan dan hartanya. Seterusnya, kita yakin akan

datangnya pertolongan Allah apabila memenuhi syarat mencapai kemenangan dan mengisi kemenangan, seperti dinyatakan oleh firman Allah SWT :

وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَن يَنْصُرُهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿١١٠﴾ الَّذِينَ إِذْ
مَكَتَهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ
وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ غَلِيبٌ ﴿١١١﴾ - الحج

Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong (berjuang bagi menegakkan agama) Nya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kuat lagi Maha Perkasa, (yaitu) orang-orang yang jika kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi niscaya mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh berbuat ma'ruf dan mencegah dari perbuatan yang mungkar; dan kepada Allah-lah kembali segala urusan. (Hajj : 40-41)

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

29. Secara umumnya, semua organisasi parti termasuklah jentera pilihanrayanya perlulah diperkemaskan di semua lapisan peringkat, dilipat gandakan gerakerjanya, dan seterusnya dilatih petugas sehingga mempunyai kemahiran yang tinggi untuk berhadapan dengan pilihanraya umum ke 13 yang bakal tiba nanti.

30. Secara khususnya, peranan Majlis Syura Ulama, Jawatankuasa PAS Pusat, Dewan Ulama, Dewan Pemuda , Dewan Muslimat, Dewan Himpunan Penyokong PAS dan Lajnah-Lajnah, semuanya hendaklah sentiasa bersama keperluan terkini di semua peringkat jentera parti, perlu maju ke hadapan dengan dibekalkan kefahaman yang jelas terhadap fikrah perjuangan parti, dan menggunakan ilmu pengurusan serta pentadbiran yang sesuai sebagai satu persediaan mencapai kemenangan dan mengisi kemenangan di masa yang mendatang.

MAJLIS SYURA ULAMA

31. Majlis Syura Ulama dibentuk dengan memiliki syarat syakhsiah yang tinggi dan kemampuan ilmu Islam, dalam masa yang sama perlu juga meningkatkan kajian ilmu Islam yang menjadi roh kepada parti, mendalami ijtihad para ulama silam secara *muqaranah* dan memterjemahkan penghayatan Islam dalam menghadapi cabaran terkini untuk menyelesaikan semua perkara dengan Islam. Islam yang menjadi petunjuk sepanjang zaman mewajibkan kita berijtihad menghadapi masalah dan cabaran baru yang tidak wujud di zaman silam dalam keadaan situasi dan realiti yang berbeza dan berubah.

32. Dalam suasana serangan kecelaruan pemikiran ini, maka seluruh ahli parti dan penyokong wajib memberi *thiqah* dan *wala'*, demi menjaga parti agar beristiqamah dengan landasan Islam yang kita imani dengan ikhlas, berpandukan hidayah dan hikmah, kerana akal tanpa hidayah tidak selamat daripada kesilapan yang boleh membawa kesesatan. Kalangan ulama yang mendalami ilmu Islam adalah pewaris pusaka para *Anbiya'* yang terpelihara dengan jaminan Allah, jaminan ini wujud sekiranya mereka bersama parti yang bercirikan Islam yang tetap ada di sepanjang zaman.

PIMPINAN PUSAT

33. Pimpinan pusat yang saudara dan saudari pilih dalam muktamar yang lalu dan segala Lajnah yang ada di dalamnya adalah pemimpin yang merancang, mentadbir, mengatur strategi dan menggerakkan parti, sama ada dalam menghadapi pilihanraya di semua peringkat, dan menangani setiap isu dan halangan yang berlaku sepanjang masa, seterusnya aktif beramal di lapangan masing-masing. Mereka ini adalah pimpinan yang wajib menjalankan tugasnya sepanjang masa, bukannya bermusim, wajib diberi ketaatan dan *wala'* kepada keputusan dan arahan yang tidak bercangah dengan hukum Islam yang tertinggi sebagaimana yang termaktub dalam perlembagaan parti.

34. Kita telah berjaya membentuk kepimpinan secara *jama'ei* (kolektif) yang menghimpunkan berbagai latarbelakang yang terdiri dari para ulama, ilmuwan, professional dan aktivis masyarakat. Adunan ini wujud sejak penubuhan PAS dan meneguhkannya sehingga kini. Adunan ini jugalah yang memperkasakan PAS untuk memimpin negara, dengan menolak jahiliyah sekularisma yang meminggirkan Islam dan memisahkan urusan dunia daripada Islam.

35. Dalam menghadapi cabaran langit terbuka dengan teknologi maklumat yang sangat pesat bertaburan menyebarkan apa sahaja, jangan sekali-kali kita terpedaya dan hanyut bersama loncai di luar parti kita yang berkeliaran dengan labu-labunya. Alhamdulillah, walaupun kita berhadapan dengan cabaran sebegini, tidak ada seorang pun di kalangan kita yang terkeluar daripada bahtera perjuangan mengikut telatah luncai-luncai itu, walau pun menghadapi ribut dan gelombang yang datang dari segenap penjuru. Berpeganglah kepada amaran Rasulullah SAW :

سَبَّأَتِي عَلَى النَّاسِ سَوَاتٌ حَدَّاعَاتُ يُصَدِّقُ فِيهَا الْكَاذِبُ وَيُكَذِّبُ فِيهَا الصَّادِقُ
وَيُؤْتَمَنُ فِيهَا الْخَائِنُ وَيُخَوَّنُ فِيهَا الْأَمِينُ وَيَنْطَلِقُ فِيهَا الرُّوَيْبِضَةُ فَيْلَ وَمَا الرُّوَيْبِضَةُ
قَالَ الرَّجُلُ التَّافَهُ فِي أَمْرِ الْعَامَّةِ [سنن ابن ماجه - ج 12 / ص 44]

(Manusia akan menghadapi tibanya tahun-tahun yang banyak penipuan. Dipercayai pembohong, di bohongi orang yang benar, diberi amanah kepada pengkhianat, dikhianati orang yang amanah, orang yang bebal membuat kenyataan. Apabila ditanya bagaimana keadaannya. Rasulullah SAW menegaskan : Orang yang jahil bercakap perkara yang melibatkan kepentingan orang ramai)

36. Dalam hal ini, ahli PAS hendaklah berwaspada dengan penyebaran maklumat melalui blog yang berkeliaran tanpa sempadan, supaya berhati-hati kerana kita berada di zaman yang penuh kefasikan

ini. Selidiklah dahulu maklumat yang disampaikan, kerana kita menghayati firman Allah SWT :

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ

فَتُصَبِّحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ تَنِدِمِينَ ﴿٩﴾ الحجرات

Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu. (Hujuraat : 9)

DEWAN ULAMA

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

37. Dewan Ulama telah dipertanggungjawabkan untuk mengumpulkan para ulama seramai mungkin, mereka adalah kalangan yang paling berjasa menubuhkan PAS, pemimpin berterusan kepada umat, penyelamat manusia dan pewaris pusaka para Rasul. Mereka paling dihormati sekiranya beristiqamah dengan perjuangan dan paling dikutuk sekiranya menyeleweng.

38. Oleh yang demikian, maka besarlah harapan agar Dewan Ulama bekerja keras untuk mengumpulkan kalangan ulama yang berselerak dan ada pula yang terjerumus ke dalam kelompok musuh dan terpesong halatujunya kerana tidak berjamaah. Bawalah mereka ini bersama kita, binalah fikrah perjuangan dan fahamkan mereka dengan fiqh siyasah yang dibawa oleh PAS, supaya akhirnya mereka dapat saling lengkap melengkapi saf perjuangan kita.

39. Keseluruhan aktiviti menyebarkan ilmu Islam di beri peranan ke atas para ulama. Allah menetapkan peranan mereka bukan sekadar menyebarkan ilmu dan berdakwah tetapi menyelamatkan ilmu Islam dan menyelamatkan umat dengan Islam. Firman Allah SWT :

﴿ وَمَا كَانِ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ

طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ

تَحذَرُونَ ﴿١٢٢﴾ التوبة

Tidak sepatutnya bagi mukminin itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat berwaspada menjaga dirinya. (At Taubah : 122)

40. Semua ini menunjukkan kepada kita, bahawa peranan ahli ilmu ialah menjaga umat supaya tidak tergelincir daripada landasan Islam. Dalam masyarakat Islam hari ini kita berdepan dengan kejahilan umat Islam sendiri terhadap agama, dan kelemahan para ulama yang tidak melibatkan diri dalam masyarakat dengan cara yang tepat, tanpa mengira kalangan yang diperalatkan musuh . Ada juga yang memberi penekanan pengajian Islam secara serpihan tanpa menyeluruh, lalu menyisihkan diri tanpa penglibatan dalam masyarakat di atas nama bertasawuf dan beruzlah. Imam Malik pernah menegaskan :

من تصوف ولم يتفقه فقد تزندق. ومن تفقه ولم يتصوف فقد تفسق. ومن جمع بينهما

فقد تحقق . إيقاظ الهمم شرح متن الحكم - ج 1 / ص 2

Sesiapa yang bertasawuf dalam keadaan tidak berfeqah sesungguhnya dia terjerumus ke dalam Zindiq (ajaran sesat) dan sesiapa yang berfeqah tanpa tasawuf sesungguhnya dia fasiq dan sesiapa yang mengumpul kedua-duanya, maka sesungguhnya dia berada di atas kebenaran.

41. Mengambil tanggungjawab menyebarkan ilmu Islam ini, maka Dewan Ulama juga perlu terus menerus mengumpulkan para ulama muda, diberikan kefahaman tanzim dan aktiviti parti serta feqah

siyasah yang dibawa oleh PAS, kerana merekalah yang akan mengambilalih peranan menjadi pemimpin dan penggerak kepada perjuangan kita.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

DEWAN PEMUDA

42. Para pemuda adalah tenaga hadapan dan masa depan kepada perjuangan ini, mereka perlu diisi dengan ilmu, memiliki akidah perjuangan yang mantap di seluruh peringkat untuk melahirkan pemuda yang boleh menjadi *rajaalut taghyir*, yang akan menggerakkan perubahan dalam negara kita. Kita mahu generasi Pemuda PAS yang memiliki kualiti dalam aspek amal jama'ei dan Islami, amal siyasi, kebajikan dan dakwah. Fikrah yang jelas ini, ditambah pula dengan kekuatan fizikal dan semangat yang berkobar, perlulah digandingkan dengan kematangan supaya tindakan mereka adalah penuh dengan hikmah.

43. Pemuda juga adalah pelapis kepada kesinambungan perjuangan Islam, kerana itu mereka perlu digandingkan dengan kepimpinan yang lebih lama dalam melaksanakan tugas kepimpinan. Kecergasan merekalah yang akan banyak membantu seluruh saf kepimpinan dalam melaksanakan tugas yang mencabar.

44. Peranan Dewan Pemuda perlu diperkasakan lagi dengan kemampuan menangani golongan muda yang menjadi sasaran serangan pemikiran dan budaya negatif yang bertujuan jahat terhadap masa depan mereka. Dekatilah mereka, bawa dan pimpinlah generasi muda yang ada diserata tempat dalam negara kita ini kepada cahaya Islam yang akan menerangi hati serta jiwa mereka. Ingatlah, bahawa golongan muda inilah yang akan menentukan perubahan dalam amalan demokrasi pilihanraya dan hala tuju negara seterusnya.

45. Pemuda mestilah mencari jalan dengan memerah pemikiran mereka untuk meneroka ruang-ruang dakwah yang masih luas di

semua tempat dan ceruk, untuk memberikan kefahaman Islam yang symul kepada masyarakat yang ada dalam negara kita ini.

46. Selain dari itu, peranan Pemuda di peringkat antarabangsa dan rantau nusantara ini perlulah diperhebatkan, kerana ianya akan melahirkan generasi pemuda yang lebih matang, berkemampuan, penuh ketrampilan, sehingga menjadi aset paling berharga untuk perjuangan parti kita ini.

DEWAN MUSLIMAT

47. Kepada Dewan Muslimat, satu penghargaan patut kita berikan kepada seluruh ahli dan kepimpinan Dewan Muslimat PAS, jentera HalWa dan Nisa' di atas penglibatan mereka dalam beberapa siri pilihanraya kecil. Penglibatan mereka amat besar ertinya dalam sebuah perjuangan Islam di Malaysia ini. Muslimat telah membuktikan keupayaan mereka dengan penuh kecekalan dan kesanggupan mengharungi kepayahan dalam misi dakwah.

48. Dalam konteks perjuangan Islam secara Demokrasi dan *muwajahah silmiyyah*, para muslimat juga berkewajipan sama menegakkan Islam. Keupayaan para muslimat memainkan peranannya dalam pilihanraya, samada sebagai calon dan petugas pilihanraya, adalah amat dihormati oleh kawan dan digeruni lawan. Teruskan keterlibatan para muslimat sekalian, dengan struktur yang lebih tersusun dan perancangan jangka pendek dan panjang, supaya sumbangan mereka itu akan lebih berkekalan kepada perjuangan kita ini.

49. Dalam suasana kebanjiran pemikiran yang menyerang umat dan merosakkan masyarakat hasil daripada kuasa politik yang salah, sudah tiba masanya diisytiharkan muslimat wajib bersama muslimin untuk berganding secara berjadual mengikut peranan dan tugas yang dibahagikan tanpa mejejaskan kewajipan dalam rumahtangga yang menjadi asal tugasnya, dalam masa yang sama menolak serangan budaya negatif yang telah masuk ke dalam rumah, keluarga dan

masyarakat. Marilah kita sama - sama menegakkan Islam di tempat yang berkuasa melindungi umat untuk melaksanakan amar maaruf dan nahi munkar. Firman Allah SWT :

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۗ أُولَٰئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧٦﴾ التوبة

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang maaruf, mencegah dari yang munkar, mendirikan solat, menunaikan zakat dan mereka taat pada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. (At Taubah : 71)

50. Muslimat juga mempunyai matlamat yang sama dan menyeluruh untuk membela dan membangunkan keseluruhan masyarakat Islam. Muslimat juga mesti berusaha dan komited untuk meningkatkan setiap ruang dan unsur keperibadian serta meningkatkan keupayaan bistari mereka. Muslimat harus mengembeling seluruh keupayaan, potensi, kepintaran, kemahiran, prasarana, teknologi komunikasi dan informasi untuk memacu kemenangan.

51. Teruskanlah gerakerja dengan melebarkan sayap untuk mendekati dan menghimpunkan remaja wanita dalam siri-siri program keagamaan, sukan serta kesenian, agar naluri remaja ini sentiasa didampingi melalui methodology dakwah. Dengan itu mereka akan dapat memahami dan menghayati amalan-amalan soleh dari perspektif Islam. Pada masa yang sama, pentarbiyahan rakan-rakan remaja ini mesti diberi perhatian agar mereka dapat memahami Islam

yang syumul dan di samping itu memahami erti jihad dan pengorbanan dalam erti kata yang lebih luas.

52. Gejala sosial dan penindasan remaja, wanita dan kanak-kanak menjadi isu utama di dalam negara kita. Oleh itu, sudah sampai masanya agar Dewan Muslimat mengambil inisiatif dan berperanan mendepani isu-isu penindasan wanita, remaja dan kanak-kanak secara lebih pro-aktif dan berkesan menerusi penubuhan sebuah institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan. Penubuhan institusi sebegini ini adalah bertujuan untuk menangani gejala keruntuhan akhlak yang bermaharajalela dan memberi pendidikan mengawal dan menyekat merebaknya kemungkaran ini.

53. Kepimpinan parti juga menyedari bahawa keupayaan para muslimat ini wajar untuk dimanafaatkan dengan lebih optimum di masa yang akan datang. Oleh yang demikian, kepimpinan parti juga sentiasa membuka ruang kepada para Muslimat yang berwibawa, mampu dan layak untuk menjadi calon Muslimat di dalam pilihanraya dan menggalakan penglibatan mereka di peringkat pembuat dasar.

DEWAN HIMPUNAN PENYOKONG

54. Kita bukan sahaja berjaya meruntuhkan tembok yang memisahkan kita selama ini dengan kaum bukan Islam, bahkan perjuangan kita juga mahu di sertai oleh kalangan mereka. Ini merupakan satu pencapaian yang lebih maju bagi penyelesaian masyarakat majmuk secara Islam, bagi memperkenalkan Islam yang boleh berlaku adil untuk semua.

55. Peranan ini mengingatkan kita kepada penyertaan bukan Islam dalam perjalanan dakwah di Makkah dan peristiwa hijrah Rasulullah SAW ke Madinah, kerana bukan semua yang bukan Islam menentang perjuangan ini, ada yang mahu melihat lebih dekat bersama dalam masyarakat dan negara yang kita perjuangkan. Hakikatnya, jiwa mereka merasa resah dengan kegagalan pemerintah

yang menambahkan masalah kepada mereka juga, dan mengharapkan kita menjadi penyelamatnya.

56. Kewujudan Dewan Himpunan Penyokong PAS yang telah dirasmikan penubuhannya perlulah diperkasakan, dirangka gerakerjanya bersesuaian dengan kemampuan yang ada, dididik dengan konsep serta prinsip perjuangan yang dibawa oleh PAS.

57. Kita berharap supaya sayap ini dapat memainkan peranan mereka dengan berkesan, bagi menarik kalangan bukan Islam mengenali kita secara amali dan bersama membuat perubahan yang berjaya selepas kejayaan kini. Mudah-mudahan kita melaksanakan peringatan Allah SWT :

لَا يَنْهَىٰ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتَلُوا فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ
أَنْ تَبْرَهُمْ وَيُقْسَطُوا إِلَيْهِمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسَطِينَ ﴿٨﴾ الممتحنة

Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangimu karena agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil. (Al Mumtahanah : 8)

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

KONSEP FEDERALISMA DAN MASA DEPAN NEGARA

58. PAS yang berjaya memerintah Kelantan, pernah di Terengganu dan Perak, dan terkini memimpin kerajaan di Kedah, di samping menyertai kerajaan campuran di Selangor dan Pulau Pinang telah mencuba sedaya upaya melaksanakan Islam mengikut bidang kuasa kerajaan negeri. Walaupun demikian, kita terpaksa menghadapi tekanan dan kepungan secara terbuka dan halus, daripada Kerajaan

Pusat yang masih dikuasai oleh Barisan Nasional, dengan UMNO menjadi tonggakunya.

59. Tindak-tanduk yang dilakukan oleh mereka ternyata tidak menghormati semangat Federalisme yang membahagikan kuasa kerajaan negeri dan persekutuan. Akibatnya, mereka bukan sahaja tidak menghormati perjanjian yang dimeterai tetapi bertindak melanggar perjanjian terutamanya dalam perampasan hasil bumi dalam bentuk royalti minyak di Kelantan dan Terengganu. Semuanya dilakukan dengan memutar belit Akta Petroleum dan perjanjian yang dimeteraikan di antara kerajaan negeri dan Petronas. Sejarah tidak dapat menafikan bahawa perampasan Royalti Minyak Terengganu adalah keputusan politik yang didesak dalam perhimpunan agung Umno tahun 2000, dan mereka meneruskan tindakan zalim ini terhadap rakyat Kelantan.

60. Rakyat negeri yang telah membuat pemilihan mereka telah didera dengan tindakan zalim secara membelakangkan hak mereka, pentadbiran dan urusan yang menjadi hak kerajaan negeri tidak dihormati. Kerajaan Pusat telah menubuhkan pentadbiran negeri, daerah dan mukim secara berasingan, dengan mempolitikkan jabatan-jabatan persekutuan, melantik pemimpin masyarakat yang tidak direstui rakyat, menggunakan media untuk menekan rakyat secara bohong dengan tujuan melumpuhkan dan menjatuhkan kerajaan negeri serta menyembunyikan penyelewengan kerajaan pusat.

61. Dalam hal ini, kita berjanji untuk melakukan perubahan struktur pemerintahan dan pentadbiran yang lebih adil di peringkat negeri dan persekutuan sekiranya diberikan amanah oleh rakyat dalam pilihanraya yang akan datang. Hasilnya, rakyat akan lebih dibela dan diiktiraf oleh kerajaan yang dipilih oleh mereka sendiri.

62. Kita juga ingin mengucapkan syabas kepada kepimpinan PAS di negeri Kelantan dan Kedah, serta seluruh anggota Dewan Undangan Negeri dan Parlimen PAS di seluruh negara, kerana walaupun terus menerus dikepung dari timur dan barat serta utara dan selatan, bahtera kerajaan dan amanah yang dipikul ini dapat terus

dipertahankan. Jadikanlah istiqamah ini sebagai suatu contoh, bahawa perjuangan yang kita bawa ini adalah suatu tanggungjawab yang mempunyai kaitan antara dosa dan pahala.

KRISIS NILAI ,SOSIAL DAN EKONOMI

63. Selain dari sikap kerajaan pusat yang tidak menghormati pilihan oleh rakyat, malapetaka dalam negara kita telah diburukkan lagi dengan kekalutan iklim ekonomi, krisis nilai kemanusiaan dan akhlak, runtuhnya keimanan dan sistem keadilan yang menjadi barang jual-beli oleh kerajaan UMNO-BN dalam negara kita ini. Akibatnya amalan rasuah, menipu, pecah amanah dan lain-lain masih berleluasa dalam negara dengan saban kali pendedahan baru dilakukan, di samping yang lama terdedah seperti bangkai berulat, namun tidak ada tanda tindakan yang berani mengatasinya. Kini kita mencipta sejarah yang sangat memalukan wajah Malaysia di mata dunia, apabila memiliki pesawat tempur tanpa enjin, yang tentunya lebih hebat dari sebuah pesawat tanpa pemandu (UAV) .

64. Negara kita dikurniakan hasil bumi melimpah ruah, tanah yang subur, sumber air yang kaya, semuanya mampu untuk mencukupi keperluan asasi rakyat dan membangun negara. Walau pun demikian kita tidak mencapai kemajuan yang kukuh, tetapi ada negara yang lebih maju tanpa sumber alam seperti negara kita, yang terdekat seperti Singapura, yang jauh seperti kalangan negara Eropah. Keadaan ini menunjukkan ada perkara yang tidak kena pada kita, salah urus dan penyelewengan terus berlaku, kadar kemiskinan yang ketara, paling ketara di negeri paling kaya hasil buminya seperti Sarawak, Sabah, dan Terengganu.

65. Kekayaan pula berpusing di kalangan orang-orang yang tertentu sepertimana amaran Allah SWT. Manakala hasil Negara yang turun ke bawah bagi mengatasi kemiskinan sebenarnya tidak mencukupi dan masih banyak berlaku ketirisan. Firman Allah SWT :

مَا آفَاءَ اللَّهِ عَلَىٰ رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
 وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ ۚ وَمَا آتَاكُمُ
 الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٥٦﴾

Apa saja harta (fai-i) yang diberikan Allah kepada RasulNya (dari harta benda) yang berasal dari penduduk kota-kota maka adalah untuk Allah, untuk rasul, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang dalam perjalanan, supaya harta itu jangan beredar di antara orang-orang kaya saja di antara kamu. Apa yang diberikan Rasul kepadamu, maka terimalah. Dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat keras hukumannya. (Al Hasyr : 7)

66. Tindakan kerajaan memperkenalkan Model Ekonomi Baru yang masih bersifat orde lama, yaitu tidak mempunyai roh dan tidak menekankan kepentingan akhlak yang merupakan satu teras terpenting dalam memastikan transparensi dan ketelusan pelaksanaan sesuatu dasar ekonomi. Sesebuah negara boleh sahaja mempunyai dasar yang melangit matlamatnya, tetapi tanpa akhlak yang dihayati oleh pembuat dan pelaksana dasar – maka negara masih akan dibelenggu dengan sistem liberal kapitalis – akhirnya ianya hanya bersifat membuat perubahan terhadap kulit dan bukannya bersifat holistik yang merangkumi perkaitan antara dosa-pahala dan keadilan menyeluruh.

67. Model Ekonomi Baru itu juga merupakan imbasan kembali kepada konsep pensyarikatan dan penswastaaan Malaysia yang dilaksanakan oleh pemimpin terdahulu, di mana pihak kerajaan akan melepaskan kepentingannya sedikit demi sedikit dalam sektor perkhidmatan rakyat kepada pihak swasta. Walaupun pihak kerajaan memberikan jaminannya, akan tetapi pelepasan tanggungjawab

kerajaan itu telah melahirkan satu monopoli baru sektor perkhidmatan yang akhirnya menekan ekonomi rakyat.

68. Penglibatan kerajaan atau orang-orangnya yang bersaing dengan kegiatan ekonomi rakyat menimbulkan rasa tidak senang di antara satu sama lain. Semua perkara-perkara tersebut secara langsung atau tidak langsung boleh mencetuskan rasa benci-membenci di antara kaum dan di kalangan sesama kaum. Benarlah tulisan Ibnu Khaldun di dalam bukunya "*Al-Mukaddimah*", :

التجارة من السلطان مفسدة

Maksudnya :

"Kegiatan kerajaan secara langsung dalam bidang perniagaan membawa keburukan"

69. Selain dari itu juga, tindakan pihak kerajaan memperkenalkan lesen judi bola dalam negara kita pada ketika ini adalah satu tindakan yang jauh menyimpang dari ajaran Islam dan tatacara kehidupan yang diterima dalam masyarakat Malaysia pada waktu ini. Ianya menggambarkan bahawa kerajaan yang ada telah bankrap idea pembangunan ekonomi dan sedang membawa negara mundur ke belakang ke arah yang lebih jauh dari ajaran Islam. Perkiraan dosa-pahala, dan keberkatan hasil negara tidak wujud dalam pertimbangan perancangan ekonomi mereka.

70. Di atas asas kelemahan dan kepincangan ini, maka PAS akan terus menerus mendekati rakyat pelbagai rumpun dalam negara ini, dengan pendekatan penuh hikmah dan maklumat, dengan strategi yang lebih tersusun, untuk menggerakkan penyelesaian dan perubahan asas yang besar dalam negara kita, supaya kehidupan rakyat akan lebih aman dan sejahtera. Inilah masa depan negara yang kita inginkan.

71. Dalam menegakkan perubahan ini pula, yang merupakan satu tuntutan Islam, PAS akan terus memilih pendekatan demokrasi menyertai pilihanraya walaupun penuh kepincangan dan lapangannya

tidak sama rata dan saksama. Kita juga akan terus komited memperjuangkan agar suatu peraturan pilihanraya yang lebih demokratik diwujudkan, pemansuhan akta yang menzalimi rakyat seperti ISA, dan kajian semula akta yang menekan rakyat seperti AUKU, Akta Polis, Akta Penerbitan, Akta Mesin Cetak dan sebagainya.

72. Namun, sekiranya jentera kita kuat dan tersusun, kemenangan boleh dicapai dan sudah terbukti dengan nyata kita pernah menang. Kita perlu *istiqamah* dengan mengambil lapangan yang wujud dalam amalan demokrasi, seperti dakwah, penerangan, khidmat masyarakat sehingga kita boleh menguasai masyarakat. Ingatlah, sekiranya gerak kerja kita sampai ke sasarannya, segala tipu daya dan undang-undang yang tidak adil dapat dipatahkan. PAS akan terus konsisten untuk berjuang bagi memastikan perubahan menyeluruh dapat dilaksanakan ke atas sistem pilihanraya di negara kita yang tercinta ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

PERANAN PAS DI PERINGKAT ANTARABANGSA

73. Suasana geo-politik dunia dan konflik antarabangsa terus bergolak sehingga ke hari ini. Pelbagai isu antarabangsa telah mewarnai sepanjang setahun yang lalu, antaranya keganasan berterusan regim Zionis ke atas umat Islam di Baitul Maqdis dengan mencerooboh kawasan Masjid al-Aqsa dan menyerang orang awam di kawasan berkenaan. Selain dari itu, penduduk Gaza bukan sahaja dihimpit oleh regim Zionis, tetapi juga dikepung oleh Kerajaan Mesir, terus menerus menghadapi tekanan yang di luar batas tamadun kemanusiaan.

74. Pada akhir bulan Mei yang baru sahaja berlalu, kita berhadapan dengan tindakan ganas Regim Zionis Israel yang menyerang konvoi *flotilla* bantuan ke Gaza, sehingga menyebabkan kehilangan nyawa kepada beberapa anggota konvoi berkenaan, yang turut dianggotai oleh ratusan wartawan, aktivis keamanan dan ahli

parlimen dari berbagai negara, termasuklah sebilangan rakyat dari Malaysia sendiri.

75. PAS sentiasa menegaskan bahawa inilah wajah sebenar Regim Zionis Israel yang sememangnya sedikit pun tidak menghiraukan kutukan masyarakat antarabangsa, termasuklah kecaman keras dari Kesatuan Eropah (EU) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sendiri. Masyarakat dunia sememangnya memerlukan satu strategi dan tindakan baru yang lebih serius, tegas, dan keras untuk memberikan tekanan kepada regim Zionis yang sudah terbukti tidak menghormati meja perundingan.

76. Kesemua tindakan zalim yang dihadapi ini, telah mewujudkan penentangan rakyat yang ditindas di atas pelbagai nama. Dalam masa yang sama, kerajaan yang menjadi penguasa di negara umat Islam juga dibelenggu oleh kuasa Barat dan Regim Zionis, dengan menjadikan kedudukan politik dan imbuan ekonomi sebagai gadaianya. Akibatnya, kerajaan di negara umat Islam tidak berdaya, lemah dan menjadi hina kerana menjadi hamba kepada kuasa hegemoni Neo-kolonisma dan Zionis.

77. Dalam hal ini juga, PAS mempersoalkan langkah Kerajaan Malaysia yang turut sama terikut dengan kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat yang berterusan mengenakan sikap '*double standard*' dalam menguruskan isu pembangunan teknologi nuklear sebagaimana yang disimpulkan dari *Nuclear Summit 2010* yang dianjurkan oleh pentadbiran Washington. Malaysia seharusnya mengambil sikap yang sama dengan Republik Turki yang konsisten, berani dan tegas bahawa hak penyelidikan dan pembangunan teknologi nuklear untuk tujuan keamanan tidak seharusnya dipertikai oleh mana-mana pihak.

78. Apa yang paling dikesalkan ialah Regim Zionis haram Israel yang terbukti telah dan sedang bertindak ganas tanpa batas tamadun manusia pula dibiarkan bermaharajalela dengan mempunyai teknologi nuklear sekian lama tanpa pula dikecam oleh mana-mana pihak di

Washington. Inilah yang sebenarnya menjadi punca krisis keamanan dunia di waktu ini. Apa yang lebih buruk ialah dalam masa yang sama, kerajaan Malaysia juga telah gagal untuk menyuarkan tekanan kepada Regim Zionis Israel dalam persidangan di Washington itu.

79. Disebalik kezaliman yang ditunjukkan oleh regim haram itu, negara pula didedahkan terlibat secara langsung dengan firma mereka yang mempunyai tugas-tugas tertentu dalam negara kita ini, seperti perancangan hubungan antarabangsa negara, pelaksanaan sistem maklumat dalam agensi keselamatan negara dan sebagainya. Ini bukan sahaja mendedahkan negara kepada Zionis yang sedang mencari pengaruh dan pengkalannya di rantau ini, tetapi adalah merupakan satu penghinaan kepada umat manusia yang menyokong perjuangan rakyat Palestin itu sendiri.

80. Betolak dari realiti kelemahan kerajaan yang menjadi pemerintah di negara umat Islam ini, maka PAS bersama dengan rakyat dalam negara ini, menyeru supaya kita semua kembali kepada Islam yang syumul dengan berpegang kepada Al-Quran dan As Sunnah supaya kita dapat menjadi negara yang hebat, berdaulat dan dihormati.

81. PAS akan terus istiqamah untuk menyuarkan ketidakadilan dan penentangan terhadap kezaliman ini di pentas antarabangsa – samada menerusi memorandum dan dialog, demonstrasi, forum antarabangsa seperti di Istanbul menerusi Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Sosial (*ESAM*), Muktamar Al-Quds, Persidangan Antarabangsa Parti Politik Asia (*ICAPP*), Persidangan Ahli Parlimen Islam dan sebagainya.

82. PAS akan terus menerus menyumbang kepada dunia yang lebih adil dan aman. Inilah yang pernah dibuktikan oleh PAS, apabila kepimpinan PAS telah turut bersama dengan pimpinan gerakan Islam lain turun ke medan di Afghanistan dan Negara Teluk pada tahun 1990 an dahulu untuk menyelesaikan konflik peperangan di rantau berkenaan. Di rantau Asean ini, usaha dan peranan PAS yang

bertemu tanpa jemu dan menyuarakan pandangan serta nasihat kepada kepimpinan yang bertelagah, sehingga akhirnya cahaya perdamaian berjaya di meterai di wilayah Aceh.

83. Paling terkini, PAS diberikan kepercayaan dari pimpinan Kesatuan Ulama Islam Antarabangsa dan beberapa Negara OIC untuk menyelesaikan konflik antarabangsa yang berlaku di Yaman. Konflik sebegini, sekiranya tidak ditangani dengan segera boleh mencetuskan perang yang lebih besar dan ketidakstabilan ekonomi bukan sahaja di rantau Teluk tetapi kepada dunia umumnya. Akibatnya nanti ialah, kuasa Barat akan campurtangan dan akan bermula sekali lagi penjajahan bentuk baru di bumi para sahabat dan anbiya' itu.

TINDAKAN SETIAP AHLI DAN KEPIMPINAN

84. Sebagai intipati tindakan bagi para ahli dan pimpinan PAS, maka izinkan untuk saya membuat seruan seperti berikut :

- (i) Saya menyeru agar semua ahli parti disemua peringkat, untuk memantapkan akidah perjuangan dan tarbiyah mereka, mengilmukan diri, memahami *fiqh siyasah*, ikhlas, istiqamah dan sabar, memurnikan tindakan dan sakhshiah, menerusi pelbagai program yang akan diatur oleh Lajnah yang berkenaan dalam parti.
- (ii) Saya menyeru untuk setiap anggota parti, untuk menunjukkan teladan dan bertindak dengan penuh keadilan Islam, bergerak ke dalam masyarakat diserata ceruk lorong dan penempatan, bagi membawa syiar Islam yang syumul untuk menyelamatkan ummah dari kegelapan. Bawa dan pimpinlah mereka, didiklah dengan penuh hikmah, sehingga terbuktilah keadilan Islam yang menyeluruh itu kepada *mad'u* kita.
- (iii) Saya menyeru kepada semua peringkat ahli parti untuk menggerakkan cawangan, kawasan, dan negeri dengan

berbagai pengisian serta aktiviti, supaya akhirnya kehadiran PAS dalam masyarakat akan dapat dirasai peranannya. Penubuhan cawangan-cawangan baru, bersama kepimpinannya yang memiliki iltizam yang tinggi, haruslah menjadi keutamaan setiap kawasan PAS dalam negara kita ini.

- (iv) Saya menyeru kepada seluruh kepimpinan parti di negeri-negeri, untuk memperkemas tanzim parti, bersiap sedia menggerakkan jentera dan aktiviti pilihanraya parti, memanfaatkan Institut Latihan Pilihanraya PAS (ILPAS) sebagai institusi pilihanraya parti yang mampu melahirkan petugas yang professional dan bersedia menghadapi cabaran semasa yang kompleks.
- (v) Saya menyeru kepada seluruh kepimpinan parti untuk memantapkan keserasian serta memperkukuhkan kebersamaan kita dalam Pakatan Rakyat, sebagai satu persiapan bagi menggantikan kepimpinan negara yang ada pada saat ini. Semuanya dilaksanakan dengan prinsip *Tahaluf Siyasi* yang menjadi pegangan PAS, tanpa menjejaskan prinsip perjuangan yang digariskan dalam undang-undang tubuh PAS selama ini.

PENUTUP

Akhirnya, bagi pihak seluruh ahli dan kepimpinan PAS, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada tuan rumah, iaitu YAB Menteri Besar Kelantan dan seluruh Anggota Kerajaan Negeri Kelantan, Panitia Induk Muktamar, Badan Perhubungan PAS Kelantan dan semua petugas yang terlibat, serta semua pihak yang menjayakan Muktamar ke-56 ini. Mudah-mudahan segala amal ini mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT.

Marilah kita menghayati akan firman Allah SWT :

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ
كََمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي ارْتَضَى لَهُمْ
وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّن بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمَنًا يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَن كَفَرَ
بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

Maksudnya :

Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal-amal yang soleh bahawa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka berkuasa, dan Dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diredhaiNya untuk mereka, dan Dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka, sesudah mereka berada dalam ketakutan menjadi aman sentosa. Mereka tetap menyembahKu dengan tiada mempersekutukan sesuatu apa pun dengan Aku. Dan barang siapa yang (tetap) kafir sesudah (janji) itu, maka mereka itulah orang-orang yang fasik. [An Nur : 55]

Seterusnya, saya RASMIKAN Muktamar PAS ke – 56 ini dengan menyebut

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

dan sabda Rasulullah SAW :

سَيُرُوا عَلَى بَرَكَةِ اللَّهِ

اللَّهُ أَكْبَرُ وَنَلِّهِ الْحَمْدُ